

25/09/1998

Umno Bagan Datoh sokong Dr Mahathir

BAGAN DATOH, Khamis - Umno Bahagian Bagan Datoh tetap teguh menyokong kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, walaupun ketuanya, Datuk Ahmad Zahid Hamidi menyebelahi gerakan reformasi Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Timbalan Ketua Umno bahagian itu, Shaarani Mohamad, berkata keputusan itu dicapai dalam mesyuarat tergepar jawatankuasa bahagian membabitkan hampir 60 ahli jawatankuasa bahagian, Pemuda dan Wanita, petang Selasa lalu.

Bagaimanapun, selain Zahid yang kini ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Ketua Pemuda Umno Bahagian Bagan Datoh, Ahmad Nasaee Tarmizi, yang juga adik Zahid tidak hadir kerana berada di luar negara.

Menurutnya, berikutan itu resolusi menyokong Presiden Umno yang juga Perdana Menteri dihantar kepada Dr Mahathir semalam serta mengalu-alukan sebarang tindakan terhadap Anwar.

"Bahagian juga akur dengan tindakan pihak berkuasa menahan Zahid mengikut ISA. Bagaimanapun, sebarang tindak tanduk Ketua Pemuda Umno itu adalah keputusannya sendiri dan bahagian tetap berdiri teguh dan menyokong kepemimpinan Dr Mahathir," katanya di sini hari ini.

Selain Anwar, 13 lain ditahan mengikut ISA sehingga kelmarin termasuk Zahid yang dikaitkan sebagai penggerak utama serta penyumbang kewangan gerakan reformasi Anwar.

Menurut Shaarani walaupun mesyuarat itu dibuat secara tergesa-gesa tanpa kehadiran beberapa pemimpin pemuda dan bahagian, semua yang hadir menyokong kepemimpinan Dr Mahathir dan menolak gerakan reformasi yang diterajui Anwar.

(END)